



**GARIS PANDUAN
COMMERCIALIZATION INITIATIVE FUND (CIF)
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
21030 KUALA NERUS, TERENGGANU**

1. PENGENALAN

- 1.1 Commercialization Initiative Grant (CIF) ialah geran inovasi dalaman yang bertujuan membangunkan produk ke pasaran disamping menjana pendapatan ke universiti.
- 1.2 Hasil penjanaan pendapatan tersebut secara tidak langsung membantu dalam meningkatkan lagi prestasi pencapaian Universiti Malaysia Terengganu dalam pencapaian Malaysia Research Assessment (MyRA).

2. TUJUAN

Membantu para penyelidik UMT untuk mempertingkatkan nilai dan kemampuan produk penyelidikan dan inovasi mereka bagi tujuan pengkomersialan dan mencapai keboleh pasaran yang tinggi. Secara langsung ianya membantu menjana pendapatan universiti melalui pengkomersilan produk

3. SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada semua staf akademik UMT dengan syarat-syarat berikut:

- 3.1 Staf Akademik di Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- 3.2 Bagi staf akademik bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap dan warganegara Malaysia bagi permohonan bukan warganegara Malaysia
- 3.3 Staf akademik yang sedang cuti belajar tidak dibenarkan menjadi ketua penyelidik
- 3.4 Mempunyai prototype produk dan sekurang-kurangnya telah didaftarkan di bawah MyIPO.
- 3.5 Jumlah peruntukan yang dipohon adalah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan

4. SKOP PEMBIAYAAN

- 4.1 Pembiayaan ini meliputi perkara-perkara yang tersebut iaitu :
 - i) *Up-Scaling*
 - ii) Ujian di makmal yang mempunyai sijil daripada badan bertauliah
 - iii) Pembungkusan produk ke pasaran
 - iv) Pemasaran produk

5. TEMPOH PROJEK

5.1 Tempoh projek maksimum adalah dua puluh empat (24) bulan

6. PULANGAN PEMBIAYAAN

6.1 Peruntukan pembiayaan yang diluluskan adalah untuk tempoh dua puluh empat (24) bulan yang mana para penyelidik perlu memberi pulangan sebanyak dua puluh ribu ringgit (RM20, 000) bagi tempoh tersebut.

7. PERATURAN KEWANGAN

7.1 Semua penggunaan kewangan adalah tertakluk kepada pekeliling/garis panduan semasa yang berkuatkuasa di UMT.

7.2 Berikut adalah Vote yang dibenarkan :

- i) V21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)**
- ii) V24000 (Sewaan)**
- iii) V27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)**
- iv) V29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)**
- v) V35000 (Aksesori dan Peralatan)**

7.3 Semua penggunaan kewangan mestilah mengikut kebenaran pembiayaan yang dinyatakan pada para 4.

8. LICENSING / PENJUALAN TERUS PRODUK

8.1 Pembahagian hasil *licensing*/ penjualan terus produk adalah mengikut kadar peratusan semasa universiti.

8.2 Dua Model dibangunkan untuk geran CIF iaitu :

- i) Produk mempunyai harta intelek yang didaftarkan oleh Universiti sama ada eksklusif atau non eksklusif :
 - a) Syarikat membayar *licensing*: Nilai paling minimum RM10, 000 dicampur GST (6%)
 - b) Pembahagian 70% penyelidik, 30% UMT tempoh 2 hingga 3 tahun bergantung kepada MOA/perjanjian yang telah ditandatangani.
 - c) Bayaran royalti (2% hingga 3%) untuk tempoh 2 hingga 3 tahun bergantung kepada MOA/perjanjian yang telah ditandatangani. Hasil royalti tersebut, pembahagian 70% penyelidik dan 30% UMT

- ii) Produk dijual terus kepada Syarikat dan produk tersebut sekurang-kurangnya telah berstatus copyright/trademark.
 - a) Pembahagian hasil jualan ialah 70% penyelidik dan 30% UMT.
 - b) Nilai Minimum pengkomersialan produk adalah RM20, 000 dicampur GST (6%).

9. PROSES PERMOHONAN

- 9.1 Permohonan perlu menggunakan borang permohonan Geran CIF yang terkini dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)
- 9.2 Semua permohonan hendaklah dihantar ke:
 - Urusetia Geran Commercialization Initiative Fund (CIF)**
 - Seksyen Inovasi,**
 - Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
 - Universiti Malaysia Terengganu
 - Bangunan Pengajian Siswazah
 - 21030 Kuala Nerus, Terengganu
- 9.3 Semua permohonan geran CIF akan melalui satu proses pembentangan dihadapan Jawatankuasa berkaitan.

10. PENGUMUMAN TARIKH PERMOHONAN

- 10.1 Permohonan bagi geran CIF dibuka sekali setahun dan bergantung kepada dana yang disalurkan oleh universiti.
- 10.2 Makluman pembukaan akan dibuat melalui hebahan warga UMT

11. PEMANTAUAN

- 11.1 Semua projek yang diluluskan di bawah geran CIF akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dua (2) kali setahun.
- 11.2 Para penyelidik perlu menghantar laporan kemajuan mengikut format borang laporan terkini yang disediakan RMIC.